

06/09/2003

MSC di seluruh negara (HL)

Mohd Azlan Jaafar; Wan Esuriyanti Wan Ahmad

CYBERJAYA: Projek Koridor Raya Multimedia (MSC) fasa kedua akan dikembangkan ke pusat pertumbuhan teknologi maklumat (IT) di seluruh negara bagi membolehkan rakyat menikmati pendapatan lebih tinggi menerusi penyertaan dalam industri itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata, sebarang cadangan untuk pembangunan fasa kedua itu mesti memenuhi matlamat meningkatkan pendapatan rakyat menerusi pembabitan dalam dunia yang memerlukan pengetahuan.

"Itu adalah cara yang diharapkan untuk kita meningkatkan pendapatan rakyat tanpa perlu mogok untuk meminta kenaikan gaji.

"Cara itu (mogok) tidak bertahan kerana kita akan hilang keupayaan bersaing.

"Sebaliknya kita harus melatih rakyat dan mewujudkan peluang untuk mereka mendapat pekerjaan bergaji tinggi," katanya pada sidang media hari kedua mesyuarat ketujuh Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC yang dipengeruskannya di sini, semalam.

Mesyuarat tiga hari di Cyberview Lodge Resort itu dihadiri 31 anggota IAP serta wakilnya, iaitu jumlah kehadiran paling ramai sejak mesyuarat penasihat MSC pertama di Universiti Stanford pada 1997. Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Abdullah yang ditemui pemberita selepas sesi pertemuan dengan 10 anggota IAP petang semalam, juga menegaskan mengenai pentingnya generasi masa depan disediakan peluang untuk mempelajari mata pelajaran berkaitan komunikasi teknologi dan maklumat (ICT) dari peringkat sekolah hingga ke universiti.

Sehubungan itu, katanya, tumpuan kepada bidang pendidikan, kerajaan elektronik (e-kerajaan) dan komuniti elektronik (e-komuniti) akan diperhebatkan bagi memastikan fasa kedua pembangunan MSC mencapai kejayaan dan memanfaatkan rakyat.

"Akses internet mesti boleh dicapai rakyat seluruh negara. Jika kita tidak dapat menjadikan rakyat memahami dan mengaku peranan besar ICT dalam pembangunan negara, tentulah payah kepada mereka menikmati apa yang dapat diberikan teknologi baru ini," katanya.

Mengenai hasil perjumpaan dengan anggota IAP, beliau berkata mereka memberi jaminan akan terus komited manakala yang mempunyai syarikat di Malaysia, berjanji akan terus memajukan dan meningkatkan operasi di negara ini.

"Saya juga menyatakan kepada mereka bahawa MSC dan ICT adalah program penting untuk masa depan dan pemangkin pembangunan negara dalam bidang ekonomi dan akan diberikan keutamaan," katanya.

Ditanya mengenai pembabitan Dr Mahathir dalam projek MSC pada masa depan, Abdullah berkata: "Beliau memang menunjukkan minat mengenai IT. Mengenai peranannya, saya kena bincangkannya dengan dia dulu... InsyaAllah akan ada."

Terdahulu, Dr Mahathir yang ditanya sama ada beliau akan terus terbabit dalam projek MSC selepas bersara, berkata: "Jika ada yang boleh saya bantu saya akan menyumbang."

Mengenai apa yang bakal dilaksanakan dalam fasa kedua kelak, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan mengkaji sama ada insentif tambahan perlu diberikan.

"Tetapi apa yang kita mahu lakukan ialah membenarkan pusat MSC baru

diwujudkan di negeri lain dan ketika ini pusat berkenaan sudah wujud di beberapa negeri tetapi tidak mendapat insentif syarikat yang beroperasi di MSC.

"Kini kita menimbangkan tanpa perlu berada di sini (MSC), mereka akan mendapat faedah sama. Itu satu cara untuk memperluaskan MSC. Itu akan kita kaji dan beberapa cadangan lain untuk dimasukkan dalam fasa kedua kelak.

"Kita sentiasa cuba meningkatkan persekitaran dan daya tarikan MSC," katanya.

Mengenai keupayaan rakyat memenuhi keperluan pekerja mahir dalam MSC, Perdana Menteri menjelaskan Malaysia mahu mewujudkan sebanyak mungkin pekerjaan.

"Kita mahu kerja berpendapatan tinggi dilakukan rakyat Malaysia tetapi mereka harus sedia untuk dilatih dan mempunyai disiplin.

"Rakyat sudah menunjukkan kebolehan untuk melakukannya... seperti anda tahu Malaysia Boleh dan rakyat Malaysia boleh, termasuk berenang merentasi Selat Inggeris. Mereka juga boleh melakukan kerja yang lebih canggih," katanya.

Sehingga kini, projek MSC sudah mencatatkan sumbangan pendapatan sebanyak RM4 bilion, selain mewujudkan 21,000 peluang pekerjaan sehingga 2003. Ketika ini, 920 syarikat beroperasi di MSC dan 50 bertaraf dunia.

Dr Mahathir berkata, masa depan MSC bergantung kepada keupayaan untuk teknologi dan menerajui dalam pemikiran serta inovasi yang diperlukan dunia.

"Kita harus lebih inovatif untuk memastikan MSC terus relevan selain menarik pelabur untuk membuka operasi di MSC," katanya.

Beliau berkata, usaha menjadikan MSC hub teknologi maklumat dan komunikasi global memerlukan galakkan inovasi, model perniagaan yang merangsang penggunaan teknologi, selain mengenal pasti peluang yang menguntungkan.

"Sebagai hub ICT global, matlamat utama adalah untuk menjadi peneraju serantau dan bidang spesifik yang menguntungkan," katanya.

Dalam menggalakkan kerjasama antara universiti dan swasta yang kini dihadkan akta tertentu, Perdana Menteri berkata: "Perlu ada perubahan pemikiran (dalam pembabitan saintis) dan jika perlu kerajaan akan melonggarkan beberapa peraturan universiti dan penggunaan dana untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D)."